

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

YB ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

- (a) tujuan dan rasional Kerajaan Perikatan Nasional menarik balik RUU IPCMC memandangkan perbandingan antara dua RUU (oleh SUARAM) menunjukkan kuasa IPCC jauh lebih lemah berbanding IPCMC dan juga lebih teruk daripada mekanisme sedia ada di bawah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC); dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan seterusnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan untuk menggubal RUU IPCC adalah kerana secara umumnya RUU IPCMC tidak mempunyai elemen semak dan imbang. RUU IPCMC menjurus kepada pemusatan kuasa di mana ia mempunyai fungsi untuk menjalankan siasatan dan pada masa yang sama turut menjalankan fungsi kawalan tatatertib.

Manakala RUU IPCC lebih mengamalkan prinsip pengasingan kuasa selaras dengan sistem pentadbiran negara. IPCC hanya berperanan untuk menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas anggota pasukan polis kepada SPP tanpa menentukan jenis hukuman. Keadaan ini menjadikan kuasa "*hire and fire*" bagi anggota pasukan polis adalah kekal di bawah bidang kuasa badan yang sama.

Kerajaan berkeyakinan bahawa Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang akan ditubuhkan kelak mampu menangani salah laku anggota pasukan polis kerana ianya bersifat tertumpu kepada satu agensi penguatkuasa sahaja iaitu Polis Diraja Malaysia.

Selain itu, Rang Undang-Undang baharu yang digubal ini telah mengambil kira Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) RUU IPCMC, pihak-pihak berkepentingan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta hasil lawatan delegasi Malaysia ke United Kingdom pada bulan Februari 2020 yang lalu.

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) ini telah dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 yang lalu.